

**HUBUNGAN INTERGENERASI, SOKONGAN PSIKOLOGI  
DAN SOSIAL DALAM PENJAGAAN WARGA EMAS:  
SATU KAJIAN KES DI KOTA KINABALU, SABAH**  
***INTERGENERATION RELATIONSHIP, PSYCHOLOGY AND  
SOCIAL SUPPORT AMONG ELDERLY CARE: A CASE STUDY  
IN KOTA KINABALU, SABAH***

NURUL HUDANI MD NAWI<sup>1</sup> HABIBIE IBRAHIM<sup>2</sup>  
PUTERI HAYATI MEGAT AHMAD<sup>3</sup>

<sup>1,2 & 3</sup>Fakulti Psikologi dan Pendidikan, 88400 Universiti Malaysia Sabah  
*nurul@ums.edu.my*

*Tarikh dihantar: 23 Mac 2020 / Tarikh diterima: 29 Mei 2020*

**ABSTRAK** Kajian ini bertujuan untuk memerihalkan pandangan anak dewasa atau penjaga warga emas terhadap aspek intergenerasi, sokongan psikologi dan sosial dalam penjagaan warga emas. Untuk tujuan itu, data kualitatif telah digunakan secara terperinci bagi mencapai objektif tersebut. Seramai enam penjaga dewasa kepada warga tua telah menyertai kajian ini. Peserta kajian terdiri daripada kaum lelaki dan wanita yang mempunyai hubungan dengan warga tua, sama ada sebagai anak, anak angkat, cucu mahupun ahli keluarga ruas lain yang sudah menganggap bahawa mereka adalah satu keluarga dan tinggal di sekitar Kota Kinabalu. Data telah dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tematik oleh Braun dan Clarke (2006). Secara keseluruhannya, hasil kajian menampakkan bahawa nilai-nilai murni dalam masyarakat misalnya menghormati orang tua masih dipegang oleh anak-anak yang berperanan sebagai generasi muda. Lantaran daripada sikap menghormati orang tua itu seterusnya menimbulkan rasa tanggungjawab dan sayang dalam kalangan anak-anak dewasa untuk menjaga orang tua mereka sehingga menampakkan hubungan intergenerasi yang baik. Dapatan kajian juga melaporkan bahawa penjaga dewasa memerlukan sokongan sosial dan sokongan psikologi dalam proses menjaga orang tua mereka. Kajian ini memberi implikasi ke atas polisi berkaitan warga emas dengan menunjukkan keperluan untuk membina satu modul secara holistik berdasarkan Dasar Warga Tua Negara (DWEN). Ia memerlukan penambahbaikan dalam pelan tindakan negara supaya penghasilan modul lebih bersepadu bagi menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup penjaga dan warga tua.

**Kata kunci:** Hubungan intergenerasi, sokongan psikologi dan sosial, penjagaan warga tua.

**ABSTRACT** *This research is intended to describe the views of adults (caregivers) on intergenerational relationships, psychological support and social support in the care of the elderly. Therefore, qualitative data is used in detail to achieve that objective. A total of six adult caregivers participated in this study. The study participants consisted of men and women who had relationships with the elderly whether as children, adopted children, grandchildren or other extended family members who considered themselves as a family and lived in the vicinity of Kota Kinabalu. Data were analyzed using thematic analysis by Braun and Clarke (2006). The results of the study seem to indicate that the value of the society's respect for parents is still held by children as young people. As a result of this respect for parents comes a sense of responsibility and affection among the older children to take care of their parents and this shows good intergenerational relationships. The findings also show that adult caregivers need social and psychological support in the process of caring for their parents. This study has implications for senior citizen policy by highlighting the need to formulate a holistic module based on the National Citizenship Policy (DWEN). It needs an improvement in the country's action plan to ensure the module more integrated related to well-being and quality of life for caregivers and the elderly.*

**Keywords:** *Intergenerational relationships, psychological and social support, aged care.*

## PENDAHULUAN

Peningkatan jumlah bagi populasi warga emas di Malaysia terus melonjak bilangannya dari setahun ke setahun. Perkara ini dapat disahkan melalui data pada tahun 2010 yang menunjukkan bilangan penduduk di negara Malaysia adalah sebanyak 28,334.135 juta orang. Dalam jumlah tersebut, sebanyak 2,251,216 iaitu bersamaan 7.9 peratus daripadanya terdiri daripada golongan warga emas. Berdasarkan maklumat daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization) telah mengesahkan bahawa sekiranya sebuah negara yang apabila jumlah warga tuanya mencapai 7 peratus daripada keseluruhan jumlah penduduk, maka negara tersebut bakal melalui 'fenomena

ketuaan' (*ageing phenomenon*). Oleh hal yang demikian, berpandukan informasi ini, Malaysia dijangka bakal menempuh kategori *Nation of Ageing Population* menjelang tahun 2025. Hal ini demikian kerana bilangan bagi populasi warga emas di Malaysia adalah mewakili sebanyak 9.9 peratus penduduk daripada keseluruhan jumlah penduduk (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2015), iaitu melebihi peratus yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization).

Dalam aspek penjagaan golongan warga emas, secara tradisi atau turun-temurun golongan ini sering kali dilihat untuk diurus oleh ahli keluarga terdekat, misalnya anak atau ahli saudara mara wanita. Namun begitu, realiti hari ini mempamerkan bahawa nilai-nilai tradisional ini secara beransur-ansur telah berubah akibat arus perdana dan proses pembangunan. Hasil modenisasi yang berlaku dalam negara dan masyarakat telah menyebabkan kemajuan yang begitu canggih dalam pelbagai aspek, termasuk teknologi kesihatan, teknologi ekonomi, peningkatan kehidupan sosial dalam pambandan dan peningkatan dalam aspek pendidikan. Kajian yang dijalankan oleh Wan Ibrahim (2003) menunjukkan keempat-empat aspek tersebut dilihat sebagai suatu bentuk kuasa penting yang boleh mewujudkan pelbagai isu dan masalah dalam konteks ketersediaan sumber bagi aspek penjagaan golongan warga emas, khususnya dalam konteks masyarakat moden masa kini.

Situasi ini jelas menunjukkan wujudnya masalah dalam penjagaan golongan emas dalam berbagai-bagai situasi khususnya dalam sesebuah keluarga mahupun masyarakat. Misalnya dari aspek jarak geografi, iaitu tempat kerja yang jauh akan meningkatkan kos dalam menyara kehidupan, sekali gus menyukarkan anak-anak untuk mengurus ibu bapa. Dalam hal ini, isu kos sara hidup dan kos perubatan yang tinggi memberi kesan kepada anak-anak yang berpendapatan rendah sehingga sukar untuk memberi komitmen dalam proses penjagaan. Di samping itu, tabiat golongan emas yang disusuri dengan pelbagai kerenah ataupun kesihatan mental juga menjadi sebab anak-anak yang bekerja sukar untuk mengurus golongan ini, khususnya warga yang kurang upaya ataupun terlantar sakit. Malahan, penglibatan golongan wanita secara aktif dalam konteks pekerjaan pada zaman moden ini juga telah mengakibatkan wujudnya masalah dalam penjagaan golongan tersebut.

Terdapat kajian lepas yang menunjukkan kebanyakan responden tidak berpuas hati dengan pertolongan yang dihulurkan oleh adik-beradik mereka yang lain dalam usaha membantu mengurus keperluan ibu bapa mereka yang telah berusia (Khadijah, 2007). Dalam hal ini, berbagai-bagai alasan yang diberikan oleh mereka yang terlibat. Majoriti antara alasan yang diberikan oleh adik-beradik lain adalah seperti isu kewangan, mempunyai dan perlu mengurus persekolahan anak-anak, suami yang sentiasa sibuk bekerja, menetap di luar kawasan dan pelbagai alasan lain. Walaupun terdapat pelbagai alasan yang diberikan, seorang anak perlu berfungsi untuk bertindak sebagai anak yang bertanggungjawab sepenuhnya dan sewajarnya berupaya untuk menyediakan penjagaan yang terbaik, sekali gus lengkap kepada kedua ibu bapa yang telah berusia.

Namun begitu, penjagaan warga emas ini didapati boleh membawa natijah yang buruk terhadap institusi kekeluargaan dan masyarakat dalam sesebuah negara sekiranya anak-anak atau waris tidak memainkan peranan dengan baik dan bertanggungjawab dalam isu penjagaan tersebut. Oleh hal yang demikian, isu hubungan intergenerasi antara dua pihak, iaitu ibu bapa dan anak adalah suatu aspek penting yang perlu diperhalusi oleh semua pihak. Hal ini perlu bagi mencari penyelesaian dalam isu pengurusan dan penjagaan golongan warga emas yang dilihat masih longgar dan masih belum diberi perhatian sepenuhnya. Justeru, hubungan intergenerasi, sokongan psikologi dan sokongan sosial yang positif dilihat dapat menyumbang kepada penurunan isu dan masalah dalam penjagaan golongan warga emas. Dalam pada itu, anak dewasa pula mengharapkan agar hubungan baik dapat berlaku, sekurang-kurangnya dapat memenuhi tanggungjawab dan secara tidak langsung dapat memuaskan hati kedua ibu bapa.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Kehidupan masyarakat Malaysia dalam budaya kolektivistik banyak menekankan aspek kesejahteraan hubungan antara ahli komuniti dan hubungan dalam keluarga. Menurut Long Leng Thang (2015), keluarga membentuk jaringan asas sosial yang menyumbang kepada kesejahteraan golongan tua. Bagi masyarakat Asia, keluarga menekankan peranan dalam pelbagai dimensi

termasuk menyediakan sokongan emosi dan psikologi, bantuan kewangan dan penjagaan untuk ibu bapa dan saudara-mara yang sudah berusia. Budaya Asia cenderung memfokuskan kepada hubungan intergenerasi, iaitu antara ibu bapa dengan anak-anak. Golongan tua dalam suatu komuniti didapati mempunyai hubungan yang rapat dan secara tradisional mereka memperoleh sokongan sosial lebih banyak daripada anak-anak (Wenjuan Zhang & Peng Du, 2015).

Hubungan dalam keluarga melibatkan hubungan intergenerasi antara ibu bapa dan anak-anak. Menurut Lowenstein, Kats, Prilutzky dan Mehlhausen-Hassoen (2001), hubungan intergenerasi menyumbang kepada kesejahteraan psikologi individu di sepanjang hayatnya. Terdapat pelbagai faktor luar yang mempengaruhi hubungan intergenerasi selain sokongan emosi dan sokongan sosial. Antaranya ialah faktor demografi seperti gender, bangsa, status perkahwinan, pendidikan dan kekerapan kontak antara dua pihak juga mempengaruhi kualiti hubungan ibu bapa dengan anak-anak (Birditt, Tighe, Fingerman & Zarit, 2012). Individu yang mempunyai rasa kekeluargaan lebih memberikan jagaan dan menitikberatkan peranan sebagai penjaga (Garcia & Bazo, 2001).

Walau bagaimanapun dalam era moden pada masa kini, fungsi tradisi keluarga yang menekankan hubungan antara ibu bapa dan anak-anak semakin berkurangan. Hal ini berlaku mungkin disebabkan oleh faktor ekonomi, iaitu anak-anak tinggal berjauhan dengan keluarga bagi mendapatkan pekerjaan yang lebih baik di bandar dan jauh daripada ibu bapa. Menurut Lowenstein *et al.* (2001) anak-anak yang ingin meningkatkan status pekerjaan memaksa mereka untuk berjauhan dengan orang tua mereka. Selain itu, berjauhan dan berpisah daripada keluarga besar dilihat sebagai suatu yang boleh diterima bukan hanya kepada golongan muda tetapi juga kepada generasi tua.

Menurut Garcia *et al.* (2001) lagi, anak perempuan selalunya akan menanggung tanggungjawab berat dalam menjaga orang tua, bukan sahaja secara psikologi dan juga fizikal. Sebagai contoh, di Sepanyol, anak perempuan adalah penjaga utama golongan tua seperti juga di negara lain. Bantuan daripada ahli keluarga yang lain adalah pada tahap minimum kecuali ibu bapa yang masih tinggal bersama pasangan. Anak perempuan selalu merasa tersingkir dan terbeban. Secara idealnya, semua ahli keluarga perlu

memberikan sokongan dan bantuan tanpa ibu bapa berasa rendah penghargaan sendiri, kebergantungan dan malu. Hubungan dalam saling memberikan bantuan dan sokongan antara dua generasi (ibu bapa dan anak-anak) adalah berbentuk timbal balas. Perubahan struktur dan komposisi keluarga (misalnya keluarga kecil dan peningkatan kadar perceraian) menunjukkan penurunan pertukaran emosi antara generasi yang boleh membawa kepada kesunyian dan depresi dalam kalangan ibu bapa yang sudah tua (Moor & Komter, 2012). Ahli keluarga terlibat dengan pertukaran emosi dengan cara mengambil berat, memberikan nasihat dan bantuan. Namun, kadangkala ia boleh menyebabkan stres disebabkan rasa tanggungjawab untuk memenuhi beberapa jangkaan dalam menyediakan sokongan kepada ahli keluarga (Ross, Mirowsky & Goldstein, 1990). Oleh hal yang demikian, kajian ini bertujuan untuk meninjau pandangan anak-anak dewasa berkaitan sejauhmana penerimaan yang diterima oleh mereka bagi aspek sokongan psikologi dan sosial ke atas penjagaan warga tua.

## **KAJIAN LEPAS**

Pada asasnya, pembangunan dan modenisasi yang berlaku masa kini ini adalah bertujuan untuk menaik taraf kualiti dan status kehidupan ke arah yang lebih baik. Kebanyakan pembangunan pesat yang berlaku dalam masyarakat Malaysia secara realitinya pasti memberi impak kepada perubahan struktur sosial kepada kehidupan manusia. Walau bagaimanapun, pembangunan dan kemajuan ini turut memberi kesan lain ke atas kehidupan harian manusia khususnya kepada penjaga atau anak dewasa yang perlu menjaga ibu bapa mereka. Dalam hal ini, kesan yang paling ketara adalah berkaitan cabaran dalam proses pengurusan dan penjagaan warga emas, di samping cabaran dalam memenuhi tanggungjawab dengan kerjaya. Untuk itu, dalam konteks masyarakat di Malaysia, kebanyakan keluarga berpegang kepada suatu nilai, norma dan budaya bahawa anak-anak perlu mengambil peranan dan bertanggungjawab untuk menjaga dan mengurus orang tua masing-masing. Namun begitu, pada hakikatnya tanggungjawab untuk menjaga ibu bapa bukan hanya digalas oleh seorang anak sahaja tetapi memerlukan komitmen daripada semua pihak, termasuklah masyarakat dan kerajaan tempatan.

Justeru, penjaga atau anak dewasa ini memerlukan bantuan dan sokongan daripada semua pihak khususnya adik-beradik yang lain, sanak saudara terdekat, jiran tetangga dan pihak kerajaan.

### **Hubungan Intergenerasi (Penjaga dengan Warga Tua)**

Aspek yang sangat penting dalam hubungan intergenerasi adalah sokongan dan pertolongan untuk satu atau lebih warga tua yang merupakan tanggungjawab utama anak dewasa, khususnya dalam masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik. Setiap etnik pastinya mempunyai amalan dan budaya masing-masing dalam penjagaan tersebut. Dalam pada itu, isu penjagaan warga emas juga harus diberi perhatian oleh pihak bertanggungjawab misalnya pentadbir sesebuah negara. Misalnya Walker dan Pratt (1993) mencadangkan satu bentuk artikulasi dalam pembinaan polisi yang mengesyorkan perkongsian beban bagi penjagaan warga emas di antara kerajaan dan keluarga. Hal ini konsisten dengan kajian di Australia berkaitan timbal balik intergenerasi bagi memahami sokongan keluarga misalnya anak dewasa yang menjaga warga tua. Penemuan ini mendapati sokongan daripada pihak kerajaan amat penting dalam merangsang penyediaan perkhidmatan dalam penjagaan warga tua dalam masyarakat setempat.

Namun begitu, wujud juga kajian yang mendapati hubungan yang tidak jelas di antara warga tua dengan ahli keluarga yang dijalankan di negara maju ke atas aspek ini. Sebagai contoh, kajian yang dijalankan oleh Glenn dan McLanehan (1981) telah mengkaji impak sokongan keluarga ke atas warga emas yang mendapati tiada pengaruh yang signifikan bagi hubungan interaksi antara anak dengan warga tua. Menurut Glenn *et al.* (1981), lagi yang melaporkan walaupun anak-anak penting dalam memberikan sokongan kepada warga tua, tetapi kewujudan dan interaksi dalam keluarga didapati tidak mempunyai hubungan yang kuat dengan hidup warga tua. Hal ini konsisten dengan dapatan di Amerika Syarikat yang mendapati tidak terdapat perkaitan yang positif antara hubungan interaksi anak-anak dengan kehidupan warga tua (Lee, 1979, Lee & Ellithorpe, 1982).

## **Sokongan Psikologi Penjaga dalam Penjagaan Warga Tua**

Keperluan aspek sokongan psikologi menyumbang peranan penting kepada individu yang menjaga warga emas. Hal ini demikian kerana kestabilan emosi dalam kalangan penjaga warga emas berupaya menonjolkan satu bentuk pengurusan dan penjagaan yang berkualiti terhadap keperluan warga emas tersebut. Oleh hal yang demikian, sokongan psikologi dan emosi sering kali digunakan dalam konteks jaringan sosial kerana dapat memberikan sokongan dan bantuan yang diperlukan oleh penjaga warga tua dan warga tua itu sendiri (Abdul Aziz *et al.*, 2001).

Walaupun penjaga atau anak dewasa memerlukan sokongan emosi, bantuan secara praktikal dan pemerolehan informasi yang banyak berkaitan isu penjagaan, keperluan mereka yang utama adalah kesedaran daripada masyarakat dengan memberi pengiktirafan akan keperluan mereka dan sebolehnya membantu untuk memenuhi keperluan-keperluan semaksimum mungkin kepada para penjaga berkenaan. Antara keperluan tersebut merangkumi keperluan berdasarkan latar belakang etnik, budaya, agama yang pelbagai, mempunyai masa yang cukup untuk berehat, bantuan praktikal dan aspek yang lebih penting adalah keperluan untuk meluahkan perasaan tentang emosi semasa yang kelihatan agak sukar untuk dipenuhi. Hal ini konsisten dengan kajian yang dijalankan oleh Siti Hajar *et al.* (2012) melaporkan bahawa tekanan sosial, fizikal dan emosi memberi kesan yang sama banyaknya kepada penjaga, bukan sahaja kepada warga emas.

## **Sokongan Sosial Penjaga dalam Penjagaan Warga Tua**

Dalam usaha membina kesejahteraan dalam hidup berkeluarga, aspek sokongan sosial menjadi antara tujuan penting yang diperlukan oleh penjaga dalam mengurus dan menjaga warga emas. Perkara ini jelas mempamerkan setiap individu memerlukan kesejahteraan dalam kehidupan seharian sama ada dalam aspek sosial mahupun psikologi. Hal yang sama juga dengan kesejahteraan para penjaga warga emas yang sentiasa dihubungkan dengan bebanan yang terpaksa ditanggung mereka. Bebanan ini termasuklah apabila terhalangnya pergerakan sosial mereka dalam usaha menyediakan penjagaan yang terbaik kepada warga emas yang dijaga. Menurut Khadijah (2015), isu



bebanan ini menjadi dilema dalam kalangan penjaga warga tua ini, sekali gus turut menjadi salah satu fenomena global yang timbul akibat daripada pemodenan dan pembangunan sehingga wujudnya peningkatan terhadap populasi warga emas khususnya di Malaysia.

Aspek sokongan sosial menghuraikan berkaitan transaksi interpersonal yang melibatkan satu atau lebih elemen seperti kasih sayang, pengakuan mahupun pertolongan. Elemen kasih sayang merujuk kepada faktor minat dan berpaksikan kepada kesukaan, manakala pengakuan pula merujuk kepada ekspresi penerimaan atau kebenaran sesuatu tindakan oleh seseorang. Sementara itu, elemen bantuan pula merujuk kepada bantuan secara langsung atau bantuan dari segi kewangan, informasi, masa dan keperluan. Malahan, aspek sokongan sosial juga dapat dikategorikan kepada dua jenis, iaitu *tangible support* seperti bantuan dari aspek kewangan dan peralatan, manakala *intangible support* merujuk kepada hubungan sosial dan bantuan dari segi penjagaan dan pengurusan.

Hakikatnya, konsep sokongan sosial dalam kalangan komuniti setempat dilihat dapat memberi impak yang besar terhadap isu penjagaan warga emas. Hal ini konsisten dengan penemuan kajian oleh Fatimah (1985) yang melaporkan bahawa aspek sokongan sosial, nilai, ikatan kekeluargaan dan suasana persekitaran tempat tinggal berupaya memberi pengaruh terhadap pola penjagaan tidak formal. Malah, ia juga dilihat secara langsung bergantung kepada tahap keperluan yang berbeza-beza. Situasi ini jelas menunjukkan akan kepentingan sokongan sosial, terutama dalam usaha memperkasakan kefungsiannya dan peranan sebagai penjaga warga tua (Fatimah & Rahmah, 2011). Hal ini konsisten dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Khadijah *et al.* (2015) yang mendapati aspek sokongan sosial yang diperolehi daripada ahli keluarga terdekat bagi penjaga warga emas adalah penting untuk mengurangkan beban pengurusan dan penjagaan apabila mendapat pertolongan daripada adik-beradik. Pertolongan dan bantuan tersebut, sama ada dari segi sokongan ketara ataupun tidak ketara. Dalam hal ini, penjaga atau anak dewasa yang menjaga warga emas yang sering kali diziarahi oleh adik-beradik atau sanak saudara yang lain dilihat berupaya memiliki jaringan sokongan sosial yang lebih baik, berbanding mereka yang jarang menerima ziarah keluarga. Di samping itu, sokongan sosial juga mampu

meringankan beban penjagaan warga emas apabila turut memperoleh bantuan dan sumbangan dari segi moral dan kewangan daripada anak-anak lain walaupun tinggal berasingan. Namun begitu, berbeza pula dengan penjaga warga emas yang kurang mendapat sokongan sosial dikatakan mempunyai masalah kewangan dan terlibat dalam penjagaan warga emas dalam tempoh yang lama dikatakan akan mengalami bebanan yang lebih tinggi (Rasha & Faiza, 2012).

## **METODOLOGI**

Kajian ini melaporkan hasil analisis data kualitatif, iaitu data kualitatif digunakan bagi menyokong penyelidikan keseluruhan yang lebih bersifat kuantitatif. Secara terperinci, data kualitatif digunakan bagi mencapai objektif khusus kajian, iaitu memerihalkan pandangan anak dewasa (penjaga warga tua) terhadap perkaitan intergenerasi, sokongan psikologi dan sosial terhadap pengurusan dan penjagaan warga emas. Seramai enam penjaga dewasa kepada warga emas menjadi peserta dalam kajian ini. Peserta kajian terdiri daripada kaum lelaki dan wanita yang mempunyai hubungan dengan warga tua, sama ada sebagai anak, anak angkat, cucu mahupun ahli keluarga ruas lain (anak angkat) yang sudah menganggap bahawa mereka adalah terdiri dalam satu keluarga dan peserta adalah dalam kalangan mereka yang tinggal di sekitar Kota Kinabalu. Data kualitatif dikumpul serentak semasa data kuantitatif ditadbir. Data kualitatif dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik oleh Braun dan Clarke (2006).

## **DAPATAN KAJIAN**

Hasil kajian kualitatif secara keseluruhannya seakan-akan menunjukkan kewujudan nilai-nilai murni dalam masyarakat (contohnya, dalam keluarga). Misalnya, nilai-nilai murni adalah menghormati orang tua masih dipegang oleh anak-anak, generasi muda dan/atau ahli keluarga ruas dalam sesebuah keluarga. Perkara ini seakan-akan menunjukkan bahawa hubungan antara generasi adalah masih kuat dan diutamakan. Beberapa peserta telah melaporkan bahawa;

*“Memang aku jagalah bah ini [penjaga dewasa menjaga orang tua yang sudah uzur]. Tua sudah dia [orang tua yang uzur] bilang kena jaga memang saya jaga bah. Saya bilang mustahillah bah saya bilang dulu bangun 7.00 pagi, jam 8.00 pagi. Sekarang 6.30 pagi saya bangun sudah [untuk menjalankan tanggungjawab memenuhi keperluan orang tua yang uzur]. Selewat-lewatnya 6.30 pagi. Paling awal jam 5.30 pagi lah.”*

(Penjaga seorang lelaki 1, menjaga bapa)

*“Jadi kalau kami [penjaga dewasa] sakit siapa lagi mahu membantu kami kalau bukan anak-anak buah, cucu-cucu ... walaupun, mereka bukan daripada lahirnya daripada kandung kami sendiri. Tapi, saya berpuas hati... ah ... hubungan dorang [bukan ahli keluarga kandung/ anak angkat] dengan kami sekeluarga sangat intim.”*

*“...tiap-tiap hari raya penuh ini ‘parking’. Semua satu keluarga menziarahi kami [penjaga dewasa] di sini [di rumah penjaga dewasa]. Masing-masing mereka membawa makanan hari raya.”*

(Penjaga seorang lelaki 2, menjaga kakak ipar yang sudah tua dan uzur)

*“Perasaan tu, gembiralah. Sebab mama saya pun saya tidak pernah jaga kan. Macam mana mau cakap ahhh ... tidak dapat digambarkan. Macam mama sudah.”*

*“Memang mahu jaga. Tiada pula orang yang suruh jaga dia [mak mentua]. Tapi, dia memang dari dulu aku jaga dia. Tiada orang di sini yang jaga. Jadi, terpaksa. Iya, tiada orang suruhlah.”*

(Penjaga seorang wanita 1, menjaga mak mentua)

*“Rapat tu yalah kita kan menjaga dia [menjaga nenek yang uzur]. Kadang-kadang kita bawa dia bercerita. Kita menjaga makan-minum dia. Mandikan dia. Jadi, sangat rapatlah. Dan, yalah... orang tua, kadang-kadang perangnya pelik sikit dan kena layanlah.”*

(Penjaga seorang wanita 2, menjaga nenek)

Sikap menghormati orang tua dan prihatin ke atas keselamatan orang tua berupaya menimbulkan rasa tanggungjawab dan rasa sayang dalam kalangan anak-anak dewasa untuk menjaga orang tua mereka. Situasi

ini menampakkan hubungan antara generasi yang baik. Peserta kajian selanjutnya melaporkan;

*“Jadi itu satu penghormatan daripada dioranglah [generasi muda], datang [menziarah]. Siapa saja yang hantar mesej mau datang... mesti dorang [generasi muda] datang menziarah.”*

(Penjaga seorang lelaki 2, menjaga kakak ipar yang sudah tua uzur)

*“...kalau saya rasa susah lama sudah saya cari kerja [penjaga tidak bekerja]. Sebab buat apa juga saya jaga [menjaga orang tua], saya bilang. Ada juga anak saya jaga. Tapi, berfikir juga. Saya bilang nantilah sebab bukan tidak mahu kerja... mahu. Tapi, sebab saya tengok anak-anak saya belum dapat jaga lagi [anak-anak masih muda tidak sesuai menjaga orang tua yang uzur].”*

(Penjaga seorang lelaki 1, menjaga bapa)

*“Faham orang-orang tua punya perangai. Dan, saya akan fikir satu hari nanti saya akan tua juga. Jadi, saya mesti berbuat baik pada yang lebih tua. Apa lagi keluarga sendiri.”*

(Penjaga seorang wanita 2, menjaga nenek).

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa penjaga dewasa memerlukan sokongan sosial dan sokongan psikologi dalam proses menjaga warga tua. Peserta kajian melaporkan;

*“Harapan saya, saya harap ahli keluarga yang lain dapat memahami dan juga memberi sokongan dari segi keperluan diri sayalah. Apa yang penting dorang [ahli keluarga yang lain] dapat sokong saya. Boleh faham hati saya yang saya ini sekarang menjaga nenek. Itu saja.”*

(Penjaga seorang wanita 2, menjaga nenek)

*“Pak cik berharap ahli keluarga pak cik akan dapat menolong pak cik membantu pak cik daripada sudut apa pun lah [sudut sosial dan psikologi]. Dia [kakak ipar yang uzur] ini tidak dapat berjalan. Pak cik saja tapi kadang-kadang adalah biras pak cik tolong jaga [sekiranya penjaga dewasa mempunyai urusan lain].”*

(Penjaga seorang lelaki 2, menjaga kakak ipar yang sudah tua dan uzur)

*“Saya rasa macam dorang [keluarga terdekat, jiran] kalau dorang selalu tapi saya ini bukan jenis yang saya kalau ada apa-apa masalah, saya tidak pernah tapuk [sembunyi]. Saya akan cerita dengan macam kawan, jiran sebelah, saya akan cerita. Dorang boleh macam ‘support’ jugaklah. Macam dorang ahh macam dorang cakap sabar jak bah. Macam dorang suruh bersabar begitu. Dorang suruh OK tenang saja. Ada tempat saya bercakap masalah saya. Saya selalu diberi nasihat.”*

(Penjaga seorang lelaki 1, menjaga bapa)

*“Harapan saya adalah kepada orang sekeliling atau keluarga yang terdekat selalu memberi sokongan bukan sahaja dari segi kewangan. Dan, sejujurnya orang tua itu memerlukan sokongan, bukan kewangan semata-mata. Selalu-selalulah dilawat oleh keluarga, jiran-jiran. Orang tua saya tinggal sama dengan saya. Dorang selalu memberi sokongan.”*

(Penjaga seorang wanita 2, menjaga nenek)

*“Kakak masih muda jadi perasaan orang muda ini kadang-kadang pandai down juga jaga orang tua. Tapi, alhamdulillah keluarga kakak, dorang [ibu bapa dan adik penjaga] bila kakak downkah atau kakak rasa iyalah tidaklah juga sunyi. Dorang keluarga kakak ada di sebelah dan sentiasa memberi semangat dan sentiasa membantu kakak. Dan, kakak tidak rasa kakak keseoranganlah.”*

(Penjaga seorang wanita 2, menjaga nenek)

*“Sokongan emosi tu yang saya nampak. Itu adalah keprihatinan dorang [ahli keluarga]. Saya rasa saya berpuas hatilah dengan semua sokongan dorang daripada keluarga, mahupun jiran.”*

(Penjaga seorang wanita 2, menjaga nenek)

## **PERBINCANGAN**

Secara keseluruhannya, hasil kajian seakan-akan menunjukkan bahawa nilai murni dalam masyarakat (contohnya, dalam keluarga), iaitu menghormati orang tua masih dipegang oleh anak-anak, generasi muda dan/atau ahli keluarga ruas dalam sesebuah keluarga. Hasil kajian seakan-akan menunjukkan bahawa hubungan antara generasi adalah masih kuat dan diutamakan. Hasil kajian semasa menyokong beberapa dapatan sebelum ini seperti penemuan

oleh Tengku Aizan, Asnarulkhadi dan Masilawati (2000) serta Yahya dan Wan Ibrahim (2000). Dapatan kajian-kajian lepas mengesyorkan bahawa anak-anak perlu memainkan peranan masing-masing dalam usaha untuk membalas budi dan pengorbanan kedua ibu bapa kerana pada suatu hari nanti mereka juga bakal menempuh usia tua. Justeru, penjaga atau anak dewasa harus memahami perasaan, mempunyai sikap bertimbang rasa, menghargai, menyayangi dan menghormati ibu bapa mereka. Penemuan kajian ini turut menyokong penemuan dapatan yang dijalankan oleh Khadijah, Rahim, Khairuddin, Asnarulkhadi dan Christine (2010) apabila melaporkan sebanyak 65 peratus anak dewasa bandar dan 59.7 peratus anak dewasa luar bandar yang menjaga warga tua adalah terdiri daripada anak dewasa perempuan. Majoriti anak dewasa perempuan tersebut telah pun berkahwin dan mempunyai anak antara satu ke tiga orang. Di samping itu, kebanyakan responden luar bandar, iaitu sebanyak 92.8 peratus dan 43.1 peratus responden bandar didapati tinggal bersama warga emas yang dijaga dan mereka bersetuju dan sanggup untuk menjadi penjaga kepada warga tua tersebut yang juga merupakan pilihan yang dibuat oleh mereka sendiri.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa penjaga dewasa memerlukan sokongan sosial dan sokongan psikologi semasa proses mengurus dan menjaga warga emas. Dapatan ini konsisten dengan penemuan kajian yang dijalankan oleh Khadijah, Nasrudin, Mohd Suhaimi, Fauziah, Norulhuda dan Salina (2015) yang melaporkan kepentingan untuk mendapatkan sokongan sosial daripada ahli keluarga terdekat penjaga warga emas untuk mengurangkan bebanan yang ditanggung dalam penjagaan tersebut apabila mendapat sokongan dan pertolongan daripada adik-beradik. Dalam hal ini, bentuk sokongan yang diperlukan, sama ada dari aspek sokongan ketara dan tidak ketara. Keadaan ini seterusnya dapat memberi jaminan pembentukan interaksi dan hubungan yang positif antara anak dewasa dengan ibu bapa.

Kajian secara khususnya menunjukkan sokongan sosial dan emosi dapat membantu meningkatkan hubungan intergenerasi antara penjaga dan warga tua. Hal ini menunjukkan semakin banyak jaringan sokongan sosial yang diperolehi dalam proses penjagaan warga tua daripada persekitaran, maka kesejahteraan penjaga warga emas dikatakan turut meningkat. Situasi ini mampu membentuk hubungan yang positif dengan ibu bapa masing-masing.

Seterusnya, penemuan kajian yang dijalankan oleh Amendola dan Alvarenga (2011) yang menunjukkan bahawa bilangan isi rumah yang banyak dan tinggal bersama dalam satu rumah dapat mewujudkan jaringan sosial yang baik. Secara realitinya, dalam keadaan ini penjaga yang dikelilingi oleh ahli keluarga dan sanak saudara yang ramai pasti mendapat sokongan sosial yang lebih baik berbanding dengan mereka yang terpaksa menguruskan hal ehwal warga emas secara berseorangan. Hal ini konsisten dengan dapatan oleh Allen, Lima, Goldscheider dan Roy (2012) yang melaporkan menerusi penglibatan bilangan ahli keluarga yang ramai dalam penjagaan bakal menghasilkan konsep penggiliran yang dilihat dapat meningkatkan kesejahteraan penjaga. Dalam pada itu, pertolongan daripada anak-anak yang tinggal berasingan pula dapat memberi sumbangan yang positif, sama ada dari segi moral mahupun kewangan. Sebaliknya, penjaga yang kurang mendapat sokongan sosial, mempunyai masalah kewangan dan terlibat dalam penjagaan warga emas yang agak lama akan mengalami bebanan yang lebih tinggi (Rasha & Faiza, 2012). Keadaan sebegini didapati mampu menjejaskan hubungan baik antara anak dengan ibu bapa mereka.

Dalam hal ini, dapatan Sarason, Levine dan Basham (1983) yang melaporkan bahawa sokongan sosial dilihat dengan kewujudan seseorang apabila memberitahu kepada individu lain bahawa mereka sebenarnya sering diperhatikan dengan mengambil berat, menghargai setiap apa yang dilakukan dan sentiasa disayangi. Hal ini jelas menunjukkan bahawa aspek sokongan sosial dapat memberi bantuan kepada penjaga untuk menghadapi masalah dengan lebih baik, dapat meningkatkan semangat kekeluargaan, tujuan dan mempunyai harga diri yang tinggi dalam membina pembentukan ikatan keluarga yang positif. Dalam pada itu, didapati sokongan sosial juga dapat membantu semasa berhadapan dengan isu-isu asas yang boleh membawa kepada depresi dan kemurungan. Hal ini konsisten dengan penemuan Turner (1981) yang mendapati aspek bagi sokongan sosial juga dihubungkan dengan pengurangan masalah dalam kesihatan mental.

Aspek sokongan sosial memainkan peranan penting dalam penjagaan warga emas, khususnya bagi penjaga yang terlibat dalam pengurusan sepenuh masa. Dengan ini, keperluan sokongan sosial ini membolehkan seseorang individu untuk mencapai sesuatu tujuan, memenuhi kehendak dan

memperoleh kesejahteraan dalam kehidupan. Sebaliknya, individu yang gagal mendapat sokongan sosial boleh menyebabkan seseorang itu mengalami perasaan rendah diri, merasa tidak dihargai dan membawa kepada berlakunya kemurungan, sekali gus menjejaskan kesejahteraan hidup yang berkualiti (Wong Mee Tuan, 2002).

Dari aspek sokongan psikologi pula, kajian oleh Abdul Aziz (2001) menyokong dapatan kajian apabila mendapati bahawa sokongan emosi sering kali digunakan dalam konteks jaringan sosial. Situasi ini secara tidak langsung dapat memberikan sokongan dan pertolongan yang diperlukan oleh penjaga warga emas dan juga warga emas itu sendiri. Hasil kajian memberikan implikasi bahawa bagi mengurangkan bebanan dalam kalangan anak dewasa menjaga warga emas yang uzur, sokongan sosial dan sokongan psikologi haruslah dititikberatkan dalam keluarga dengan mendapat sokongan secara menyeluruh daripada pihak kerajaan.

## KESIMPULAN

Anak-anak merupakan antara ahli keluarga terdekat yang menjadi pilihan utama bagi mendapatkan bantuan dan sokongan dalam pengurusan dan penjagaan warga emas dalam menyusuri kehidupan masyarakat setempat. Dalam pada itu, hubungan antara ibu bapa dengan anak dewasa dalam masyarakat Melayu adalah bertunjangkan perasaan hormat menghormati dan sikap bertanggungjawab terhadap satu sama lain. Malahan, penjaga atau anak dewasa merupakan aset dan sumber utama kepada warga emas dalam mengurus proses penjagaan, terutama bagi mereka yang sakit terbaring. Dalam era moden pada masa kini, ibu bapa yang tua yang tinggal berjauhan dengan anak-anak agak sukar mendapat perhatian sepenuhnya daripada anak-anak. Situasi ini menyebabkan segelintir ibu bapa mungkin lebih banyak mendapat bantuan dan sokongan sosial daripada anak jiran atau anak sahabat baik mereka. Peribahasa Cina ada menyatakan, '*Relatives far away cannot be compared with neighbors close by*' (Long Leng Thang, 2015). Dalam situasi lain, bagi ibu bapa yang dihantar ke pusat penjagaan orang tua, mungkin lebih banyak mendapat sokongan emosi dan sosial daripada ahli penjaga, iaitu bukan daripada ahli keluarga sendiri di pusat penjagaan.



Dapatan kajian ini dicadangkan agar dapat dilanjutkan pada masa akan datang dengan mengkaji perbezaan sumbangan sokongan sosial dan emosi ke atas hubungan intergenerasi antara penjaga (bukan dari ahli keluarga) ke atas tahap kesejahteraan golongan warga dan juga hubungan intergenerasi antara penjaga dengan warga tua.

Justeru, kesanggupan dalam menjalankan tanggungjawab dan komitmen yang diberikan oleh penjaga atau anak dewasa yang tinggal di rumah sendiri dilihat dapat mewujudkan keharmonian, seterusnya mengekalkan hubungan yang baik antara semua khususnya antara keluarga dan komuniti setempat. Jelasnya, proses dalam pengurusan dan penjagaan warga emas di rumah merupakan suatu bentuk sikap dan amalan murni yang tidak ternilai maknanya kepada semua pihak. Malahan, perkaitan antara generasi dalam keluarga membawa manfaat dan bertindak secara timbal balik kepada semua pihak, lantas memberi sumbangan yang bermakna kepada kesejahteraan keluarga, kebahagiaan dan komitmen yang tinggi, diiringi dengan kesabaran dalam proses penjagaan tersebut.

## **RUJUKAN**

- Abdul Aziz Jemain. (2001). *Jaminan sosial warga tua*. Kuala Lumpur: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Allen, S.M., Lima, J. C., Goldscheider, F.K. & Roy, J. (2012). Primary caregiver characteristics and transitions in community-based care. *The Journals of Gerontology*, 67(3), 362–371.
- Amendola, F., Oliveira, M. A. C., & Alvarenga, M. R. M. (2011). Influence of social support on the quality of life of family caregivers while caring for people with dependence. *Rev Enferm, USP*, 45 (4), 880–885.
- Birditt, K. S., Tighe, L. A., Fingerman, K. L., & Zarit, S. H. (2012). Intergenerational relationship quality across three generations, *Journal of Gerontology Series B: Psychological Sciences and Social*, 67(5), 627–638.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Fatimah Abdullah. (1985). Wanita dan pekerjaan: Satu analisis konflik peranan. *Akademika*, 27, 12–26.
- Fatimang Ladola & Rahmah MA. (2011). Penjagaan pesakit kronik: Adakah satu bebanan? Apakah yang penjaga persepsikan? *Jurnal Kesihatan Masyarakat*, 17(1), 12–24.

- Faridatul Azna, Ahmad Shahabuddin & Romzi Che Sahak. (1999). Perbelanjaan kesihatan warga di Semenanjung Malaysia. Dlm. Abdul Aziz Jemain (Pnyt.). *Prosiding Isu-Isu Kependudukan Malaysia II*. Bangi: Penerbit UKM.
- Garcia I. A. & M. T. Bazo. (2001). The caregiving dimension (pp.55). In O. D. Daatland & K. H. Olav (eds.). *Ageing, Intergenerational Relations, Care Systems and Quality of Life – an Introduction to the OASIS Project Norwegian, Social Research NOVA Rapport 14/01*.
- Glenn, N. & McLanehan, S. (1981). The effect of offspring on psychological well-being of older adult. *Journal of Marriage and The Family*, 37, 594–600.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). *Buletin Perangkaan Bulanan Malaysia September 2010*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Khadijah Alavi. (2007). Pengalaman anak dewasa berpendapatan rendah yang menjaga ibu bapa tua: Satu pendekatan berteraskan pendidikan komuniti. *Kajian Malaysia*, 25(2), 57–74.
- Khadijah Alawi, Nasrudin Subhi, Mohd Suhaimi Mohamad, Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon & Salina Nen. (2015). Peranan kesejahteraan dan daya tahan dalam pengukuhan keluarga Sandwich, *Akademika*, 85(1), 25–32.
- Khadijah Alavi, Rahim M. Sail, Khairuddin Idris, Asnarulkhadi Abu Samah & Christine Chan. (2010). Keperluan sokongan emosional dalam kalangan anak dewasa yang menjaga warga tua. *Jurnal e-Bangi*, 5(1), 153–165.
- Lee, G. R. & Ellithorpe, E. (1982). Intergenerational exchange and subjective well-being among the elderly. *Journal of Marriage and The Family*, 44, 217–224.
- Long Leng Thang. (2015). Social networks and the wellbeing of older adults in Singapore. In Sheung-Tak Cheng, Iris Chi, Helene H. Fung, Lydia W. Li & Jean Woo (eds.). *Successful Aging: Asian Perspectives*. New York: Springer
- Lowenstein, A., Katz, Prilutzky, D., & Mehlhausen-Hassoen, D. (2001). The intergenerational solidarity paradigm (pp.11–30). In O. D. Daatland & K. H. Olav, (eds.). *Ageing, intergenerational relations, care systems and quality of life – an introduction to the OASIS project Norwegian, Social Research NOVA Rapport 14/01*.
- Moor, N., & Komter, A. (2012). The impact of family structure and disruption on intergenerational emotional exchange in Eastern Europe. *European Journal Ageing*, 9, 155–167.
- Nurul Hudani Md Nawī *et al.* (2018). Hubungan intergenerasi: Kesan sokongan emosi dan sosial anak dewasa dalam penjagaan warga tua. *Jurnal Kinabalu*. 24, 241–270.
- Pala, J. (1998). *Warga tua dan penuaan penduduk di Malaysia*. Siri monograf Banci Penduduk. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Rasha Aziz Attia Salama & Faiza Ahmed Abou El-Soud. (2012). Caregiver burden from caring for impaired elderly: A cross-sectional study in rural lower Egypt. *Italian Journal of Public health*, 9 (4), 222–231.

- Rosnah Ismail & Habibie Ibrahim. (2002). Persepsi wanita terhadap penjagaan warga tua. *Jurnal Kinabalu*, 8, 55–73.
- Ross, C. E, Mirowsky J, & Goldsteen, K. (1990) The impact of the family on health: The decade in review. *Journal Marriage Family*, 52(4), 1059–1078.
- Sarason, I. G., Levine, H. M., Basham, R. B. & Sarason, B. R. (1983). Assessing social support: The social support questionnaire. *Journal of Personality and Social Psychology*, 44, 127–139.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah, Fatimah Abdullah, Noralina Omar & Nur Saadah Mohamad Aun. (2012). Keperluan program sokongan sosial untuk penjaga tidak formal di Malaysia. *Sarjana*, 27(1), 59–71.
- Tengku Aizan Hamid, Asnarulkhadi & Masilawati. (2000). *Kajian persepsi masalah dan keperluan warga tua*. Johor, Serdang: UPM dan Yayasan Pembangunan Kerajaan Johor.
- Turner, R. J. (1981). Social support as a contingency in psychological well-being. *Journal of Health and Social Behavior*, 22, 357–367.
- Yaacob Harun. (1993). *Keluarga Melayu bandar: Satu analisis perubahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahya Ibrahim & Wan Ibrahim Wan Ahmad. (2000). Warga tua: Isu dan fenomena dalam konsep jiran pengaruh dalam konteks penjagaan warga tua Bandar. Dlm. Abdul Aziz Jemain, Rahimah Abdul Aziz & Lukman Z. Mohamad (Pnyt.). *Warga Tua: Isu dan Fenomena*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad. (2003). Penjagaan warga tua dalam budaya Melayu di Malaysia: Kes masyarakat desa di Kelantan. *Malaysia Journal of Social Administration*, 2, 81–103.
- Wenjuan Zhang & Peng Du. (2015). The intergenerational support and psychological wellbeing of the elderly in mainland China. In Sheung-Tak Cheng, Iris Chi, Helene H. Fung, Lydia W. Li & Jean Woo (Eds.). *Successful Aging: Asian Perspectives*. New York: Springer.
- Walker, A. J., & Pratt, C. C. (1991). Daughters' help to mothers: Intergenerational aid versus caregiving. *Journal of Marriage and The Family*, 53(3), 3–12.
- Wong Mee Tuan. (2002). Hubungan di antara sokongan sosial dengan kemurungan di kalangan remaja. Tesis (tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

## **Temu bual**

- Temu bual dengan penjaga lelaki 1, menjaga bapa, pada 17 April 2018 bertempat di Kampung Serusup, Kota Kinabalu, Sabah.
- Temu bual dengan penjaga lelaki 2 menjaga kakak ipar yang sudah tua uzur, pada 22 April 2018 bertempat di Kampung Serusup, Kota Kinabalu, Sabah.

Temu bual dengan penjaga wanita 1, menjaga mak mentua, pada 18 April 2018 bertempat di Kampung Serusup, Kota Kinabalu, Sabah.

Temu bual dengan penjaga wanita 2, menjaga nenek, pada 28 April 2018 bertempat di Kampung Serusup, Kota Kinabalu, Sabah.